

# Lebih 90% puas hati mengenai sekolah rendah anak

LEBIH 90 peratus ibu bapa berpendapat sistem pendidikan Singapura antara yang terbaik di seluruh dunia dan berpuas hati mengenai sekolah rendah anak mereka, menurut satu kajian Institut Pengajian Dasar (IPS).

Tetapi dapatan kajian itu juga menunjukkan seperempat ibu bapa mempunyai masalah memasukkan anak ke sekolah pilihan mereka.

Mereka juga berasa agak tertekan dalam membantu anak mereka dalam peperiksaan sekolah dan sukatan pelajaran dan jumlah kerja rumah yang menimbun.

Seorang zamil penyelidikan kanan IPS, Dr Mathew Mathews, yang mengetuai kajian itu – yang pertama diadakan di sini – berkata dapatan itu menyangkal mitos bahawa ibu bapa tidak berpuas hati mengenai sistem pendidikan di sini.

Dalam kajiannya berhubung perkahwinan, keibubapaan dan mereka yang belum berumah tangga, beliau mendapati ada kalanya individu enggan mempunyai anak ada kalanya kerana tertekan dengan sistem pendidikan.

Beliau mahu mendengar sendiri daripada ibu bapa jika sistem persekolahan

adalah “menakutkan” seperti mana yang ramai sangkakan.

Kajian meliputi 1,500 ibu bapa berkecayaan Singapura dan penduduk tetap yang dijalankan tahun lalu, bagaimanapun, mendapati ibu bapa berpuas hati dengan sekolah rendah anak-anak mereka, katanya.

Sampel ibu bapa yang usia mediannya ialah 42 tahun, mempunyai jumlah murid yang sesuai di hampir kesemua 180 sekolah rendah di sini.

Dr Mathews berkata: “Kebanyakan orang rasa bahawa sekolah anak mereka merupakan sekolah yang baik. Mereka yang tidak berasa demikian, bagaimanapun, tetap berpuas hati dengan kualiti (sekolah) tersebut.

“Dapatan kajian itu juga menyangkal mitos bahawa kebanyakan ibu bapa berebut-rebut memasukkan anak ke sekolah yang baik dengan menjadi sukarelawan dan berpindah rumah agar mendapat tempat di sekolah itu.

“Ada kalanya kita membesar-besarkan kekata “kiasu” (yang bermaksud berdaya saing dalam bahasa Hokkien). Ini bukan halnya bagi kebanyakan ibu bapa,” ujarnya.



**AKUR SISTEM PENDIDIKAN ANTARA TERBAIK:** Kajian Institut Pengajian Dasar (IPS) ke atas 1,500 ibu bapa mendapati kebanyakan mereka berasa sistem pendidikan Singapura antara yang terbaik di dunia dan berpuas hati mengenai sekolah rendah anak mereka. – Foto fail